

Kebudayaan Islam

Dasar dan Sendi Pandangan Islam

Ahli sejarah yang jujur dan adil, mengakui bahawa pertumbuhan kebudayaan Barat adalah bersumberkan jasa-jasa yang telah diberi oleh Islam sepanjang masa enam kurun lebih – dari kurun yang kedelapan hingga kurun yang keempat belas Masihi. Pengakuan ini ditulis oleh Lord Headley dalam bukunya: *The Three Prophets of The World*¹

Antara lain, Lord Headley menulis:

“Kemajuan yang sekarang telah kita peroleh, sebahagian besarnya adalah bersumberkan hasil dan jasa-jasa yang telah diperlihatkan oleh Islam dengan bentuk kebudayaan Islam: di Sepanyol, Pulau Sicily dan Timur dekat.”

Untuk menjelajah dan meninjau setakat mana Islam telah memberikan hasil-hasil yang berfaedah kepada nia¹, maka eloklah kita mempelajari sumber-sumber atau punca-punca yang menjadi penggalak dan pendorong kepada kemajuan yang telah diperoleh itu. Sejarah telah mencatat peristiwa perubahan besar yang telah terjadi di Tanah Arab. Dalam tempoh yang tiada lama semenanjung Tanah Arab yang gelap-gelita itu telah berubah menjadi terang-benderang, dapat memberikan cahayanya pula kepada dunia. Jiwa yang tadinya mati, tiada mempunyai gaya hidup dalam lapangan kemajuan, sekarang, telah mendapat sinar baharu dengan hidup baharu yang berisi dan berguna. Sudah tentu ada

pendorong dan penggerak dari semuanya itu.

Pendorong dan pokok-pokok kemajuan itu: marilah kita pelajari dan kupas satu persatu.

Dalam masa pergolakan² yang seperti sekarang ini, pergolakan yang menyebabkan timbul atau tenggelamnya cita-cita kemasyarakatan dari sesuatu umat, sudah selayaknya kita meninjau dan menentukan di mana tempat kita berdiri dan di mana tempat kita berpegang. Lupa tempat berpijak dan lalai kepada tempat kita berpegang, akibatnya kita akan dibawa oleh arus dan dipermainkan oleh gelombang yang sedang mengancam sekarang ini.

Kita sekarang dalam masa peralihan, masa yang di dalamnya kita umat Islam mestilah menyusun rancangan untuk menghadapi zaman baharu, yang di bawa oleh zaman peralihan itu. Seyogialah rancangan dan dasar-dasar itu dapat dirasai betul-betul oleh kita sebagai nilai-nilai hidup kita, menjadi pokok kita bekerja dalam menunaikan tugas kita sebagai manusia berjiwa

¹ dunia

² pergolakan

hidup. Semuanya itu mestilah terang dasar-dasarnya, berguna dan bermanfaat untuk masyarakat. Bila sudah demikian halnya, saya dapat memberi selamat kepada umat kita dengan hidup panjang dan sentosa dengan berkat kerja-kerjanya yang mulia dan murni, dan saya dapat memberi khabar gembira dan berita suka kepada pemimpin-pemimpinnya, bahawa kerja-kerjanya itu akan berhasil dan berpanjangan terus-menerus, dan sejarah akan mencatat nilai-nilainya dengan tinta emas.

Bagi menghindarkan kesulitan yang sedang dialami oleh dunia sekarang ini, elok rasanya kalau saya petik ucapan pujangga George Bernard Shaw katanya:


“Alangkah besarnya hajat dunia pada dewasa ini kepada seorang penganjur sebagai Nabī Muḥammad untuk mengatasi kesulitan-kesulitan dunia sekarang ini, yang dikerjakannya sambil ia menghirup kahwa (kopi) dari cangkirnya.”

Demikianlah hajat dunia untuk menyelesaikan masalah-masalah dan kesulitan-kesulitan yang dihadapinya. Dan ajaran-ajaran Islam

itu telah banyak diakui oleh orang-orang bijak pandai di Barat sendiri dapat dipakai sebagai ubat mujarab untuk menyembuhkan dunia yang sedang sakit ini. Untuk ini sejarah kelak akan memperlihatkan kebenaran pembawaan Islam itu dan kita tetap bersemboyan: mara terus ke hadapan, sebagaimana yang dinyatakan oleh Allah ‘azza wa jalla dalam firman-Nya, yang bermaksud:

“Dalam melawan kaum kafir itu jangan kamu merasa lemah dan berhina diri. Jika kamu dapat kesakitan mereka pun mendapat kesakitan seperti yang kamu rasai. Kamu masih ada mengharapkan pahala dari Allah, tetapi mereka tiada dapat sekali-kali mengharap yang demikian itu. Tuhan yang Maha Mengetahui dan Maha Bijaksana.” (105, surah al-Nisā’).

Barat dengan kemajuannya yang telah mencapai ketinggian dalam ilmu pengetahuan, serta dengan ilmu kepandaiannya itu ia telah pernah menguasai dunia. Tetapi



Gambar kenang-kenangan murid-murid sekolah agama Muḥammad Alam. Seria Brunei, kerana menyambut bulan Ramadan 1379, bersama-sama dengan 3 orang guru-guru mereka yang duduk di tengah-tengah. – Kiriman Cikgu Abdul Rahman bin

Haji Hasyim, Seria Brunei.

sekarang dunia Barat telah mengalami krisis. Dasar-dasarnya telah bergoncang³ dan mulai runtuh, dan tiangnya telah lapuk dimakan asai⁴. Lihatlah dasar-dasar politiknya telah digoncangkan oleh bahaya tangan-tangan besi, dasar sosialnya telah dicampuri oleh asas-asas yang ganjil-ganjil dan pemberontakan⁵ serta pergolakan⁶ di mana-mana. Asas-asas ekonominya juga telah bergegar di segala lapangan, dan kesannya dapat dilihat di sana sini berlaku mogok serta perasaan tidak puas, dan berjuta-juta kaum sengsara, menganggur dan kebulur. Masyarakatnya telah menamsilkan apa yang pernah diucapkan oleh nenek moyangnya: “Homo homini lupus”. Yang bermaksud: manusia itu telah menjadi serigala terhadap sesama sendiri. Sebuah negara dengan negara lainnya memandang dengan curiga. Seolah-olah menunggu saat akan menerkamnya. Bangsa Barat sendiri telah putus asa mencari ubat yang mujarab untuk memperbaiki⁷ segala kerosakan yang dialami oleh Barat sekarang ini. Di sana sini diadakan kongres tetapi hasilnya hampa. Setiap saat diadakan berbagai-bagai perjanjian yang sebentar kemudian dikoyak dan dicabuli. Bangsa-bangsa Bersatu yang setiap waktu mengadakan sidangnya hanyalah merupakan P.B.B yang bererti “Pertenggaran Bangsa-Bangsa”. Beginilah dunia kita sekarang ini ditangan bangsa-bangsa Barat dan pengikut-pengikutnya yang mempunyai siasah loba dan kebendaan itu, dan tidak menghargai sifat-sifat kerohanian. Begitulah halnya dunia kita sekarang ini sedang menderita sakit. Peri-kemanusiaan telah tersiksa, menderita dengan amat sangatnya oleh bahaya kelobaan dan keraguan kepada benda yang belum-belum puas juga untuk meperolehinya. Tepat apa yang dikatakan ole Bernard Shaw, dunia sekarang menghendaki⁸ pimpinan sebagai ajaran Nabī Muḥammad *ṣallā Allāhu ‘alayhi wa sallam*,

supaya dunia dapat dicuci dari segala kekotoran dan dapat diberi jiwa yang sesuai dengan perikemanusiaan.

Cubalah kita kembali membalik-balik lembaran sejarah. Pada suatu masa dunia ini dipimpin oleh Timur sahaja, kemudian setelah Greek dan Rom muncul di panggung siyasah dunia, pemimpin itu jatuh kepada Barat dengan dipelopori oleh Greek dan Rom. Kemudian setelah lahir syariat Nabī-nabī Mūsā, ‘Īsā dan Muḥammad – *‘alayhim al-ṣalātu wa al-salām*, dunia untuk kedua kalinya telah dipimpin oleh Timur kembali. Setelah itu Timur mundur lagi lalu melepaskan tangannya kepada Barat yang sedang menganut berbagai aliran dan ideologi. Lihatlah di mana-mana sekarang, baik di Timur mahupun di Barat,

Khusyukkah Sembahyang Tuan?

“Dalam kita sujud dalam kita meletakkan dahi di bumi, rasakanlah akan kehinaan diri bahawa kita ini berasal dari setitik air yang hanyir dan akan kembali menjadi bangkai yang busuk yang tidak ada harganya” – kata Kiyai Mohammad Hasbi Ash-Shiddieqy. Kita manusia tidak ada kekuatan dan tidak ada harga, kerana itu latihlah diri supaya khusyuk di dalam sembahyang. Salah satu caranya bacalah ucapan kiyai Mohammad Hasbi.

Sujudlah Kepada Tuhanmu!

Di susun oleh Edrus

Sebuah buku *serial* syarahan 2 yang diterbitkan oleh Qalam. Senaskhah hanya 40 sen sahaja. Ukuran kecil.

³ bergoncang

⁴ anai

⁵ pemberontakan

⁶ pergolakan

⁷ memperbaiki

⁸ menghendaki

tidak kecuali tanah air kita ini, kemajuan Barat lah yang berkuasa. Aturan Ilahi tetap berlaku dan tiada pernah salah. Sekarang Barat diwariskan menguasai dunia, tetapi Barat telah tiada betul lagi dalam pimpinannya, sombong, zalim dan tiada mempunyai pegangan yang teguh. Maka tidak hairan lagi pimpinan dunia akan diserahkan kembali kepada Timur dengan tangannya yang kuat di bawah naungan panji-panji Allah. Dengan mengibarkan bendera *al-Qur'ān* yang dibantu dengan tentera iman yang teguh, Timur akan tampil kemuka mengendalikan kesejahteraan dunia ini dan akan mengubati segala penyakit yang telah bersarang di dalam tubuhnya.

Apabila sudah demikian halnya, dunia akan menjadi Islam yang patut tunduk kepada kebenaran Islam. Pada waktu itu seluruh dunia akan bersorak sorai dengan tempikan kegembiraan mengucapkan syukur dengan perkataan:

“Puji-pujian itu bagi Allah, yang telah menunjuki⁹ kami kepada ini. Tiadalah kami mendapat pertunjuk¹⁰, sekiranya tiada dengan pertunjuk¹¹ Allah.” (maksud ayat 43, surah al-A‘rāf).

Yang demikian itu bukanlah khayal, tetapi ialah ketentuan sejarah yang tetap akan berlaku pada setiap masa dan setiap zaman. Sekiranya tiada (belum) berlaku pada zaman kita sekarang, tetapi akan berlaku seperti firman Allah Ta‘ālā dalam *al-Qur'ān* (maksudnya):

“Allah akan mendatangkan kelak satu kaum, Allah kasih kepada mereka dan mereka kasih pula kepada Allah. Mereka berkasih sayang sesama orang¹² beriman dan bersikap keras kepada orang-orang kafir. Mereka berperang pada jalan Allah dengan tiada takut akan cerca orang. Demikian itu kurnia Allah, diberikannya kepada orang yang

dikehendakkinya¹³.” (53¹⁴, al-Mā'idah).

Tetapi sungguhpun begitu tetaplah kita berharap dengan mengemukakan amal-amal yang nyata dan tegas, mudah-mudahan kurnia itu jatuhlah pada masa ini. Moga-moga demikianlah hendaknya – *Āmīn*.

(Dari buah Qalam Tuan Naziruddin Rahmat. Bahagian yang keda¹⁵ akan disiarkan – in shā'a Allāh – dalam bilangan Qalam yang akan datang).

Sudah Terbit!	Bacalah!
Buku-Buku Syuhada	
Disusun oleh:	
Edrus	
1. Ḥamzah ibn ‘Abd al-Muṭallib	50 sen
2. Nusaybah – Pahlawan Wanita Islam	50 ”
3. ‘Īkrimah ibn Abū Jahal	50 ”
4. Sa‘ad ibn Rabī‘	50 ”
5. Sa‘ad ibn Mu‘ādh	50 ”
6. Nu‘mān ibn Muqrin	50 ”
7. Ja‘far ibn Abī Ṭālib	50 ”
8. Anak ‘Abd Allāh ibn Ubay	50 ”
9. Anak angkat Rasulullah	50 ”
10. Abū Khudhayfah ibn ‘Utbah	50 ”
Lain-Lain Buku Tarikh	
Sejarah ringkas Muḥammad (S.A.W) (oleh Edrus)	\$1.20
Bilāl – (oleh Abdullah Basmeh)	1.20
Muḥammad (S.A.W) (oleh Abdullah Basmeih) empat penggal	
Sepenggal	\$1.20

⁹ menunjuki

¹⁰ petunjuk

¹¹ petunjuk

¹² orang

¹³ dikehendakkinya

¹⁴ 54

¹⁵ kedua